

DAUN SAYAP BIRU
Blue-winged Leafbird

FAMILI: Chloropseidae
NAMA SAINTIFIK: *Chloropsis*
cochinchinensis



CIRI-CIRI

Bagi burung jantan dewasa ia berbeza daripada lain-lain spesies burung Daun yang berwarna hijau iaitu ia mempunyai warna biru berkilat ke biru laut pada bahagian sempadan bulu primer dan sekunder, hujung sayap dan bulu ekor, manakala terdapat tompok pada bahagian bahu yang berwarna biru muda yang terang. Corak pada bahagian kepala pula menyerupai lain-lain spesies burung Daun dengan terdapat warna kuning pada sempadan muka yang hitam, tetapi mempunyai kepala dan bahagian atas dada yang berwarna gangsa kekuningan. Bagi burung betina dewasa, bahagian kepala berwarna kehijauan dengan garisan di bawah kepala yang selari dengan leher, leher dan pipi yang berwarna biru, mempunyai warna biru yang kurang pada sayap dan ekor. Ia menyerupai lain-lain spesies burung Daun tetapi warna biru pada sayap dan ekor hanya terdapat pada spesies ini. Pada bahagian atas kepala dan belakang kepala pula mempunyai comotan keemasan berbanding Daun Kecil, *C. cyanopogon*, manakala garisan di bawah kepala yang selari dengan leher adalah kurang jelas. Bagi burung juvenil, ia menyerupai burung betina tetapi hampir tidak mempunyai warna biru pada muka atau garisan di bawah kepala yang selari dengan leher, manakala bahagian atas kepala dan belakang kepala berwarna hijau.

SAIZ

Panjang keseluruhan spesies ini adalah di antara 16.5 sm-18.5 sm.

MAKANAN

Serangga, buah-buahan dan juga nektar.

HABITAT

Ia mendiami kawasan hutan dipterokap seperti hutan tanah pamah, kawasan pinggiran hutan, kawasan hutan sekunder, hingga ke ketinggian 1,500 m dari aras laut.

BUNYI

Ia mengeluarkan bunyi lunak yang pelbagai, *pli-pli-chu-chu*, *chi-chi-pli-i* dan lain-lain lagi. Ia juga mengeluarkan bunyi *chi-chi-chi* dan *chi'ii* yang bernada tinggi dan bunyi *pridit* yang sedikit bergetar.

PEMBAIKAN

Musim pembiakan adalah dari bulan April hingga Ogos setiap tahun dengan burung betina mampu menghasilkan 2-3 biji telur di dalam sarang yang agak kemas dan berbentuk cawan yang tergantung pada ranting atau dahan pokok, 6-9 m dari aras tanah.

STATUS

Akta 76/72, dilindungi.